# Kisah Kejayaan 4TH Quarter

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Name of PI1M**<br>**Nama PI1M** | **PI1M PEDAS** |
| **Location**<br>**Lokasi** | ***PI1M PEDAS, NEGERI SEMBILAN*** |
| **Name of person(s)**<br>**Nama** | ***MUHAMMAD ADAM HAFIZ BIN AHMAD*** |
| **Details of person (s)**<br>**Butiran diri** | ***15 TAHUN*** |
| **Success story**<br>**Kisah kejayaan** | *Beliau merupakan pelajar tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Pedas. Beliau juga adalah salah seorang ahli yang paling aktif di Pi1M Pedas, beliau selalu berkunjung ke Pi1M Pedas bagi mencari maklumat untuk menyiapkan kerja sekolah yang diberi oleh guru. Sebelum dilantik menjadi Ahli Sukarelawan Pi1M Pedas ( Squad Volunteer) Adam adalah seorang yang pemalu,kurang keyakinan diri dan beliau takut untuk tampil kehadapan serta malu untuk menyatakan pendapat.*<br><br>*Selepas dilantik menjadi Ahli Sukarelawan Pi1M Pedas, beliau sangat aktif menghadiri kelas-kelas aktiviti, menyetai pelbagai program yang dianjurkan oleh Pi1M. Dalam diam, Adam rupanya adalah seorang yang berbakat besar dan mempunyai bakat terpendam sebagai tenaga pengajar. Adam seorang yang petah berbicara dan bercita-cita untuk manjadi seorang trainer. Adam juga suka berkongsi dengan rakan-rakan berkenaan ilmu baru berkaitan ict yang diperolehinya. Contoh, membuat blog mudah di http://www.wix.com/*<br><br>*Suatu hari, Adam meminta kebenaran daripada Pengurus Pi1M Pedas, Pn Siti Nasarah Bt. Md Sahib untuk membuat kelas bersama ahli-ahli Pi1M yang lain. Setelah mendapat kebenaran, beliau terus menetapkan hari, masa dan golongan sasaran yang ingin diajar. Alhamdulillah, dengan keyakinan yang ada, kelas tersebut berlangsung dengan jayanya, malah, ada juga peserta yang meminta supaya kelas bersama Adam dapat diadakan lagi selepas ini.*<br><br>*Lampiran gambar menunjukkan suasana kelas yang dilatih oleh Adam.* |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Keterangan gambar**<br>**Photo caption** | <br>***GAMBAR 1 : Adam membuat persediaan sebelum memulakan kelas.*** |
| **Photo caption names**<br>**Keterangan gambar berserta nama** | <br>***GAMBAR 2 : Adam menunjukkan cara untuk save gambar.***<br><br>***GAMBAR 3 : Peserta belajar membuat latihan e-*** |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td>pembelajaran dengan lebih kretif.<br><br><br><br>GAMBAR 4 : Peserta semangat untuk belajar benda baru.</td></tr>
<tr><td>Feedback<br>Maklumbalas</td><td>1. What was your first impression towards PI1M? Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?<br><br><u>Bagus untuk pelajar untuk belajar IT dalam pada masa yang sama mencari maklumat untuk membuat kerja sekolah.</u><br><br>2. What attracted you to come and use the facilities in PI1M? Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?<br><br><u>Pi1M selalu menganjurkan kelas-kelas computer kepada pelajar sekolah secara percuma.</u><br><br>3. How can PI1M help others to be successful? Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?<br><br><u>Selalu mengadakan latihan-latihan computer kepada individu, mengadakan aktiviti-aktiviti seperti Jejak Maklumat Digital atau Treasure Hunt IT.</u><br>4. Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)<br><br><u>Mempelbagaikan cenderahati untuk peserta yang hadir ke kelas-kelas computer. Menyediakan sedikit jamuan selepas kelas.</u></td></tr>
</table>

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) & GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**